

UTHM jana dana melalui wakaf



Dr Wahid memberi sumbangan wakaf, disaksikan Azemi (tiga, kiri) dan pegawai-pegawai kanan.

Kementerian Pengajian Tinggi melalui Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, telah menyasarkan kesemua Universiti Awam (UA) untuk mempelbagaikan sumber penjanaan bagi menampung sebahagian keperluan universiti masing-masing. Lantaran itu, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah memperkenalkan satu lagi kaedah penjanaan pendapatan selain endowmen, iaitu Dana Wakaf Pendidikan UTHM.

Sebagai langkah permulaan, satu majlis Pra Pelancaran dana telah diadakan pada 7 Mei lalu di Perkarangan Perpustakaan Tunku Tun Aminah.

Majlis ini bertujuan memperkenalkan kepada warga universiti tentang konsep Wakaf Tunai Pendidikan yang sedang dan akan dilaksanakan di UTHM. Ia merupakan satu program penjanaan dana berlandaskan konsep Wakaf Am melalui sumbangan dana berbentuk tunai dan harta, yang mana pewakaf mewakafkannya dengan niat kerana ALLAH SWT bagi tujuan kemajuan dan kepentingan ilmu sejagat.

Dalam majlis ringkas itu, Naib Canselor UTHM, Profesor Dr Wahid Razzaly telah menerima sumbangan wakaf bernilai RM50,000 daripada Azemi Mahat Group Bhd. yang diwakili Pengarah

Urusan, Datuk Md Azemi Mahat.

Sementara itu setiap wakil Pusat Tanggungjawab (PTj) yang hadir turut menerima tabung wakaf sebagai langkah permulaan untuk pengumpulan dana mewakili PTj masing-masing.

Majlis Agama Islam Negeri Johor (Maj) pada 26 Januari lalu telah memberi status Nazir Khas kepada UTHM bagi melaksanakan inisiatif wakaf ini. Dana wakaf dikumpulkan ini akan dilaburkan di dalam instrumen yang patuh syariah. Manakala faedah dan keuntungan hasil daripada pelaburan ini akan diagihkan kepada penerima (Mawqif Alaih) yang layak dalam bentuk biasiswa, bantuan kewangan serta kemudahan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.

Selain sumbangan terus ke tabung-tabung yang disediakan, UTHM juga memperkenalkan skim potongan gaji bulanan staf, pembayaran di kaunter Pejabat Bendahari UTHM serta sumbangan secara atas talian.

Pihak UTHM mengalu-alukan sumbangan semua pihak, sama ada penyumbang individu maupun syarikat dalam menjayakan inisiatif wakaf ini. Maklumat lanjut mengenai Wakaf Pendidikan UTHM boleh dicapai melalui laman web wakaf.uthm.edu.my atau dengan menghubungi talian, 074537023.